

Annual Timber Research And Industry Briefing

Rabu, 13 Februari 2013 15:49



- ENGLISH VERSION ONLY -

UCAPAN OLEH
PROF. MADYA DR JALALUDDIN HARUN
KETUA PENGARAH,
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
SEMPENA "ANNUAL TIMBER RESEARCH AND INDUSTRY BRIEFING"
PADA 2 APRIL 2009 (KHAMIS); JAM 9.15 PAGI
DI BEST WESTERN PREMIER SERI PACIFIC HOTEL, KUALA LUMPUR

Yang dihormati saudara/saudari pengacara majlis,

Yang Berhormat Senator A. Kohilan Pillay,
Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Yang Berbahagia Datuk Wira Ismail bin Saleh
Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

(VC UPM, VC UiTM)

Ahli-ahli Lembaga MTIB,

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi,

Dif-dif jemputan,

Pembentang-pembentang kertas kerja,

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan selamat pagi,

1. Izinkan saya memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Illahi kerana diperkenankan dan mendapat rahmatNya untuk merancang dan menganjurkan acara tahunan "Annual Timber Research And Industry Briefing" pada hari ini. Saya berasa sangat berbesar hati dan mengalu-alukan kehadiran Y. Bhg. Datuk-datuk, Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan ke acara tahunan ini. Ucapan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Yang Berhormat Senator A. Kohilan Pillay, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang telag sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita pada pagi ini dan merasmikan sesi taklimat ini. Kehadiran Yang Berhormat Senator memberikan perangsang bagi kami di MTIB untuk terus berusaha mempelopori kemajuan dalam industri kayu kayan Malaysia.

2. Saya amat berbangga kerana pada tahun ini merupakan kali ke lapan "Annual Timber Research and Industry Briefing" ini dikendalikan bersama-sama dengan pihak Universiti Putra Malaysia (UPM). Ianya bertujuan untuk menyediakan satu platform khusus bagi membolehkan komuniti kayu kayan memperoleh maklumat berkaitan dapatan penyelidikan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan perusahaan dan perdagangan kayu kayan, termasuk aspek bahan mentah, pemprosesan, perkapalan sehinggalah ke peringkat pasaran dan pemasaran. Bermula tahun 2008, kolaborasi tersebut telah diperluaskan kepada institusi-institusi penyelidikan lain dan pada kali ini, MTIB telah mendapat kerjasama daripada universiti yang tidak asing lagi dalam bidang keilmuan industri berasaskan kayu iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM). Saya amat

menghargai kerjasama dan sokongan yang diberikan daripada cendekiawan dari IPTA tersebut yang sudi untuk membentangkan hasil serta keputusan kajian dan penyelidikan yang telah mereka sempurnakan untuk faedah kita bersama, terutama dalam usaha kita untuk memajukan lagi sektor perindustrian kayu negara di peringkat global.

Hadirin yang saya hormati,

3. Annual Timber Research and Industry Briefing merupakan inisiatif yang disediakan oleh MTIB bagi memastikan kesinambungan dalam pembangunan industri berasaskan kayu agar ianya terus berdaya saing. Keadaan kelembapan ekonomi dunia ketika ini memberikan kesan yang ketara terhadap ekonomi negara, dan impaknya dapat dirasakan dalam sektor-sektor yang menyumbang kepada pendapatan negara, khususnya industri perindustrian kayu. Berlatarkan situasi tersebut, topik-topik yang akan dibentangkan pada majlis ini adalah amat relevan dan seiring dengan kemajuan teknologi serta bidang penyelidikan yang amat kritikal dan diperlukan pada era ini untuk membezakan produk kayu kayaan Malaysia dari keluaran negara-negara lain. Saya berharap semoga majlis ini dapat memberikan satu pengisian yang berguna kepada kita semua dan ianya mampu menyediakan landasan yang kukuh bagi memastikan kemajuan industri berasaskan kayu di Malaysia terus berkembang.

4. Dengan tujuan memacu kemajuan industri berasaskan kayu di Malaysia, sebanyak sembilan kertas kerja akan dibentangkan pada majlis taklimat ini. Topik-topik yang akan dibentangkan adalah amat relevan dan menyentuh segala aspek dalam industri perindustrian kayu. Di antaranya adalah berkenaan perkembangan terkini industri perindustrian kayu, hala tuju perkembangan peningkatan nilai tambah bagi produk kayu, potensi batang kelapa sawit (Oil Palm Trunk) sebagai alternatif sumber bahan mentah, perkembangan industri bagi produk berasaskan buluh dan tidak ketinggalan hebahan terkini perkembangan industri perindustrian kayu di Malaysia.

5. Kedua-dua sesi dalam taklimat ini nanti akan dibentangkan dengan topik yang pelbagai dan saya pasti setiap satu tajuk kertas kerja yang akan disampaikan dalam majlis ini nanti dapat memberikan manfaat kepada kita semua. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan menggunakan peluang ini untuk mengajukan sebarang pendapat, ulasan dan persoalan yang berkaitan dengan perkembangan industri perindustrian kayu. Kemungkinan idea bernas yang dilontarkan dapat diaplikasikan dalam usaha kita untuk memperkasakan lagi industri perindustrian kayu.

Tetamu yang saya muliakan,

6. Teknologi dan inovasi adalah penting untuk kemajuan industri kita dan ini telah digariskan dalam Dasar Industri Perindustrian Kayu Negara atau NATIP. Perusahaan kayu perlu dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran yang secukupnya dalam bidang teknologi supaya ianya dapat menghadapi dan mengadaptasi dalam persekitaran yang semakin mencabar. Ini adalah penting supaya industri kayu kayaan tidak ketinggalan dalam arus kemajuan di tahap global. Oleh itu, maklumat dan hasil penyelidikan yang bakal diperolehi dalam sesi taklimat ini boleh digunakan sebagai pencetus minda bagi penggubalan strategi-strategi dan pelan-pelan tindakan syarikat tuan-tuan dan puan-puan, demi untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti. Ini akan merencanakan lagi pembangunan industri perindustrian kayu negara sebagai penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia.

7. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan penganjur, iaitu UPM dan UiTM dalam menjayakan program tahunan ini. Institusi-institusi yang berlandaskan sains dan teknologi seperti UPM dan UiTM memainkan peranan yang amat penting dalam membantu Kerajaan untuk mencapai matlamat membangunkan industri berasaskan kayu. Saya amat berbesar hati dengan kerjasama yang telah diberikan bagi merealisasikan majlis taklimat pada hari ini. Penghargaan khusus saya tujukan kepada Yang Berhormat Senator A. Kohilan Pillay, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang telah sudi hadir bagi merasmikan majlis taklimat pada hari ini. Tanpa sokongan hadirat sekalian, termasuk pembentang-pembentang kertas kerja yang bertungkus lumus menjalankan kajian mereka, saya pasti kita tidak dapat berada disini pada hari ini. Oleh itu, saya berharap jalinan kerjasama ini akan berterusan di masa-masa akan datang.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum w.b.t

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA